

BERSIH 2.0: SATU KAJIAN KES

oleh

MOHAMMAD HAZIZI BIN PADZIL

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana**

Mei 2017

PENGHARGAAAN

Assalamualaikum W.B.T

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaannya saya telah habis menyiapkan tesis ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada penyelia saya, Prof Madya Dr Mohamad Zaini Abu Bakar yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Saya juga menghulurkan penghargaan kepada Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Prof Dr Azlinda Azman serta seluruh staff Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Pusat Siswazah Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM yang banyak membantu memudahkan segala urusan pentadbiran, khasnya En Abd Aziz Abd Razak. Terima kasih juga kepada pusat pengajian ini yang telah memberikan peluang kepada saya untuk berkhidmat sebagai Pembantu Siswazah selama setahun lebih. Pengalaman mengendalikan tutorial amat bermakna buat saya.

Selain itu, rakaman penghargaan juga dirakamkan kepada para responden yang sudi menjadi sebahagian daripada kajian ini. Tambahan lagi, tidak lupa kepada kedua ibu bapa dan keluarga saya atas sokongan yang padu dan kepercayaan yang diberikan kepada saya dalam mengambil keputusan untuk menyiapkan tesis ini. Seterusnya, isteri saya yang banyak bersabar dan memberikan semangat kepada saya serta rakan – rakan yang turut membantu memberikan idea dan pendapat. Terima kasih semua.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Singkatan dan Kependekan	ix
Abstrak	xii
Abstract	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Definisi Operasional	
	1.4.1 Politik Tidak Formal	8
	1.4.2 Gerakan Sosial Baharu	9
1.5	Skop dan Batasan Kajian	10
1.6	Justifikasi Kajian	13
1.7	Organisasi Tesis	14

BAB 2 SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	17
2.2	Gerakan Sosial di Malaysia	21
2.3	Penyertaan Politik Tidak Formal: Satu Budaya Politik	25
2.4	Politik Malaysia, Pemerintah dan Masyarakat Sivil	32
2.5	Kerangka Konseptual: Gerakan Sosial Baharu	38

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	48
3.3.1	Temu bual	49
3.3.2	Pemerhatian Ikut Serta	50
3.3.3	Data Sekunder	50
3.4	Analisis Data	51
3.5	Kesimpulan	52

BAB 4 GERAKAN SOSIAL DI MALAYSIA: MENELITI SUATU PERUBAHAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Pelaku, Ideologi, Struktur dan Strategi Dalam Gerakan Sosial Sebelum Kemerdekaan	55
4.2.1	Gerakan Islah dan al – Imam	58
4.2.2	Kesatuan Melayu Muda (KMM) & Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	60
4.2.3	United Malays Nation Organisation (UMNO)	69
4.3	Perubahan Gerakan Sosial Pasca Kemerdekaan: Gerakan Berasaskan Perkauman	74
4.3.1	Gerakan Kaum Melayu	79
4.3.2	Gerakan Kaum Cina	82
4.3.3	Gerakan Kaum India	89
4.4	Kesimpulan	99

**BAB 5 PILIHAN RAYA DI MALAYSIA: IMPLIKASI TERHADAP
KEWUJUDAN GERAKAN SOSIAL DARIPADA BERSIH 2.0**

5.1	Pengenalan	101
5.2	Urus Tadbir Pilihan Raya – Suruhan Jaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)	103
5.3	Isu – isu dalam Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)	106
5.4	Isu Berkaitan Persempadanan Semula	108
	5.5.1 Pemandatan, Pemecahan (waste vote), Excess Vote dan Stacked Pengundi dalam Persempadanan Semula	111
	5.5.2 Hubungan Persempadanan Semula dan Pilihan Raya	115
5.5	Media Massa dalam Pilihan Raya	117
5.6	Kesimpulan	123

BAB 6 KEMUNCULAN DAN PENDEKATAN BERSIH 2.0

6.1	Pengenalan	124
6.2	Kemunculan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH)	125
6.3	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0): Satu Kesenambungan	129
6.4	Pendekatan atau Bentuk Advokasi BERSIH 2.0	132
	6.4.1 Ceramah, Flyers dan Flash Mob	133
	6.4.2 Internet dan Media Sosial dalam BERSIH 2.0	138
	6.4.3 Gabungan Bersama Badan – badan Bukan Kerajaan dan Kerjasama daripada Parti Politik	143
	6.4.4 Perhimpunan ‘Raksasa’ oleh BERSIH 2.0	148
	6.4.5 Kempen ‘Jom Pantau’	153
	6.4.6 Puisi dan Konsert	156
6.5	Kesimpulan	160

BAB 7 KESIMPULAN

7.1	Pendahuluan	162
7.2	Memahami Kewujudan BERSIH 2.0	163
7.3	BERSIH 2.0 daripada Perspektif Gerakan Sosial Baharu	165
	7.3.1 Ideologi	166
	7.3.2 Strategi	167
	7.3.3 Struktur	169
	7.3.4 Aktor	170
7.4	Kesimpulan	172

BIBLIOGRAFI	175
--------------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1	Bancian Klasifikasi Etnik British Malay, Malaya dan Malaysia Bagi Tahun 1957 – 1980	77
Jadual 4.2	Kaum India Mengikut Pecahan Suku Kaum Etnik dari Selatan India bagi tahun 1921, 1931 dan 1947	90
Jadual 4.3	Malaya: Taburan Penduduk Pekerja Estet Mengikut Etnik 1938 – 1947	91

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	45
Rajah 6.1	Antara ceramah yang dianjurkan oleh BERSIH 2.0 sebelum perhimpunan BERSIH 3.0 pada tahun 2012	134
Rajah 6.2	<i>Flash Mob</i> & Tarian dalam menyampaikan mesej Bersih 2.0 oleh anak – anak muda	136
Rajah 6.3	Contoh Flyers yang telah diedarkan untuk menarik sokongan masyarakat awam terhadap BERSIH 2.0	137
Rajah 6.4	Suasana semasa perhimpunan BERSIH 2.0; <i>Walk for Democracy</i> (2011)	150
Rajah 6.5	Suasana semasa perhimpunan BERSIH 3.0; Duduk Bantah 2012	152
Rajah 6.6	Iklan Konsert 8T yang diadakan oleh BERSIH 2.0	159

SINGKATAN DAN KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ALIRAN	Aliran Kesedaran Rakyat (<i>The Peoples Flow of Awareness</i>),
AMCJA	<i>All Malayan Council of Joint Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAM	<i>All Women's Action Society</i>
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani Se-Tanah Air
BERSIH 2.0	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil 2.0
CIAM	<i>Central Indian Association Malayan</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baharu
DONG ZONG	Persekutuan Lembaga Pengurus Persatuan Sekolah
DUN	Dewan Undangan Negeri
EMPOWER	Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FPTP	<i>First past the Post</i>
GAMIS	Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (<i>Coalition of Muslim Students Malaysia</i>),
GERAM	Gerakan Angkatan Muda
GNDEM	Global Network of Domestic Election Monitors
HAKAM	Persatuan Hak Asasi Manusia (<i>National Human Rights Society</i>),
HINDRAF	<i>Hindu Rights Action Force</i>
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia

IRF	<i>Islamic Renaissance Front</i>
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
ISBN	International Standard Book Number
ISMA	Ikatan Muslimin Malaysia
JIA ZONG	Persekutuan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina
JIM	Jemaah Islah Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MAFREL	Malaysians for Free and Fair Elections
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
NGO	<i>Non – governmental Organization</i>
NGOs (GONGOs)	<i>government-sponsored non-governmental organizations</i>
PAS	Parti Islam Se - Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa – bangsa Bersatu
PDPPCM	Persekutuan Dewan –dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia
PEKIDA	Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia
PEMANTAU	Pemantau Pilihan Raya Rakyat
PERKASA	Persatuan Peribumi Perkasa (<i>Malay for "Mighty Native Organization</i>)
PERNAS	Bank Bumiputera, Perbadanan Nasional
PETA	Pembela Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPSMI	Dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PR	Pakatan Rakyat

PRK	Pilihan Raya Kecil
PUM	Persatuan Ulama' Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RIDA	Perusahaan Luar Bandar
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SNAP	Sarawak National Party
SPR	Suruhan Jaya Pilihan Raya Malaysia
UDA	Lembaga Pembangunan Bandar
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
WAMI	Writers Alliance for Media Independence
WDC	Women's Development Collective

BERSIH 2.0: SATU KAJIAN KES

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan mengkaji Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0) sama ada gabungan tersebut membentuk gerakan sosial baharu ataupun hanyalah sebuah gerakan sosial yang bersifat tradisional. Empat elemen yang menjadi kayu pengukur ialah struktur, strategi, isu dan ideologi. Kajian ini melihat gerakan oleh BERSIH 2.0 pada tahun 2011 dan tahun 2012 sama ada telah mengubah pola gerakan sosial di Malaysia dan membentuk sebuah gerakan sosial baharu di Malaysia. Pada awal bab kajian ini telah menjelaskan gerakan sosial di Malaysia dengan melihat dua fasa zaman iaitu sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Kemudian, tesis ini telah membahaskan keadaan sosiopolitik yang melatari gerakan oleh BERSIH 2.0 dan melihat bentuk advokasi yang dipilih oleh BERSIH 2.0 dalam usahanya menawarkan sebuah gerakan sosial di Malaysia. Data kajian dikutip melalui temu bual secara mendalam, pemerhatian ikut serta dan kaedah perpustakaan. Kemudiannya, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Gerakan oleh BERSIH 2.0 pada tahun 2011 dan tahun 2012 telah memberikan impak dalam sejarah pergerakan di Malaysia kerana himpunan yang dianjurkan itu berskala besar. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa elemen struktur, strategi, isu dan ideologi yang dibawa oleh BERSIH 2.0 selaras dengan bentuk gerakan sosial baharu.

BERSIH 2.0: A CASE STUDY

ABSTRACT

The purpose of this thesis is to examine the Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH2.0) whether it is able to establish a new social movement or remain as a traditional social movement. There are four benchmark elements which are structure, strategy, issues and ideology. The studies identify whether the BERSIH 2.0 movements in year of 2011 and in year 2012 are able to change the pattern of social movement and established a new social movement in Malaysia. At the beginning of the chapter of this research clearly shows that social movement in Malaysia is seen through the two eras which are before independent and after independent. Later on, this thesis has been debating the underlying socio-political situation by BERSIH 2.0 movement and the forms of advocacy selected by BERSIH 2.0 to develop a new social movement in Malaysia. The data of this research has been done through in-depth interview, participatory observation and as well as library method. Then, content analysis method has been used for the purposed of data analysis. The movement of BERSIH 2.0 in the year of 2011 and 2012 give a huge impact in the history of Malaysia because this demonstration is on the large scale. The findings in this research show that those four elements brought by BERSIH 2.0 has match with the new social movement.

Bab 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Masyarakat sivil dan negara merupakan dua entiti yang saling memainkan peranan dalam proses pembinaan negara. Kedua – dua entiti ini mempunyai sinergi untuk mempengaruhi antara satu sama lain dalam membuat dasar negara apabila kumpulan dalam masyarakat dan kerajaan saling bertindak balas dan berinteraksi antara satu sama lain (Roskin et.al. 2006). Sehubungan dengan itu, masyarakat sivil ini tidak melihat kepentingan politik sebagai objektif pergerakan dalam suatu penubuhan dan mereka berusaha membawa perubahan yang baik untuk kesejahteraan masyarakat (Kartini, 2012: 2).

Menurut Kaldor (2003) aktor masyarakat sivil terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu pergerakan sosial, organisasi bukan kerajaan (NGO), organisasi sosial dan nasionalis yang masing-masing mempunyai perbezaan tertentu seperti misi, aktiviti, komposisi sosial dan bentuk organisasi. Contohnya aktiviti pergerakan sosial berkecenderungan terhadap protes dan demonstrasi, NGO menggunakan pendekatan advokasi, organisasi sosial melobi dan nasionalis memobilisasi aktiviti melalui media dan institusi sosial seperti surau, sekolah dan madrasah (Kartini, 2012: 3). Tambahan lagi penyertaan ahli dan bentuk organisasi turut membezakan antara semua aktor masyarakat sivil ini. Contohnya penyertaan ahli dalam pergerakan sosial terdiri daripada aktivis, individu, mahasiswa dan kelompok persatuan sementara, manakala komposisi sosial dalam NGO terdiri daripada golongan profesional, organisasi sosial pula terdiri daripada

golongan pekerja, petani, pengusaha dan masyarakat tempatan serta komposisi sosial untuk kumpulan nasionalis pula adalah golongan agamawan.

Seterusnya, dari segi bentuk organisasi pula pergerakan sosial lebih bersifat rangkaian dan longgar berbanding NGO yang mempunyai birokrasi, saiz organisasi yang kecil dan tidak formal. Tambahan lagi, organisasi sosial pula mempunyai bentuk agensi yang berhierarki dan rangkaian tidak formal. Seterusnya, untuk kumpulan nasionalis pula bentuknya mempunyai persamaan yang berbentuk hierarki dan mempunyai pemimpin yang karismatik. Secara dasarnya dapat dilihat bahawa kesemua ciri tersebut mempunyai perbezaan dan persamaan pada masa yang sama.

Justeru itu, dalam perbincangan Kaldor (2003) mendapati bahawa NGO, organisasi sosial, pergerakan sosial, dan nasionalis adalah organisasi bukan kerajaan yang mempunyai motif, aktiviti dan strategi tersendiri dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, kerajaan yang demokratik telah memberikan ruang kepada organisasi bukan kerajaan ini untuk berpartisipasi namun perlu berada dalam jaminan hak asasi yang didukung oleh perlembagaan. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan amalan demokrasi dan kewujudan masyarakat sivil ini adalah daripada ruang yang diberikan oleh negara untuk berpartisipasi.

Malaysia sebuah negara yang demokratik, dan disebabkan itu wujud pelbagai perkumpulan sosial sama ada yang berteraskan perkauman mahupun bersifat universal. Kewujudan perkumpulan sosial yang bersifat perkauman adalah kerana masyarakatnya bersifat majmuk (Zaini Othman, 2008). Contoh perkumpulan sosial yang bersifat

perkauman adalah seperti PERKASA, HINDRAF dan *Dong Jiao Zong (Huantuan)*. Selain itu, wujud kedinamikan perkumpulan – perkumpulan sosial di Malaysia yang dilihat tidak mengambil garisan kaum dalam perjuangannya. Perkumpulan tersebut merujuk kepada gerakan oleh BERSIH 2.0 yang dilihat merentasi perkauman seperti yang dinyatakan oleh Welsh (2012) bahawa gerakan oleh BERSIH 2.0 tidak melihat perkauman sebagai satu tujuan dalam memobilisasikan sumber manusia tetapi melihat perkara yang lebih universal melibatkan negara.

Justeru itu, perkara ini dilihat mempunyai orientasi yang berbeza dengan perkumpulan yang lebih primordial dan perubahan ini dilihat dalam dinamik gerakan politik tidak formal atau gerakan sosial di Malaysia. Gerakan oleh BERSIH 2.0 diketengahkan untuk melihat dinamik gerakan sosial ini sama ada masih sama seperti gerakan-gerakan sosial yang lama ataupun satu bentuk gerakan sosial baharu dalam politik Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Wacana mengenai amalan politik tidak formal yang membentuk gerakan politik mula berkembang sejak awal 1980an lagi yang orientasinya berlawanan dengan amalan politik formal seperti birokrasi, eksekutif, kehakiman, legislatif, pilihan raya dan parti politik (Francis Loh, 2009). Kemudiannya, pada lewat 1980an amalan ini seakan terhenti akibat tekanan daripada pemerintah yang telah melancarkan Operasi Lalang pada tahun 1987. Namun begitu, gerakan tersebut muncul kembali pada lewat 1990an yang membawa

kepada dua peristiwa besar iaitu krisis kewangan 1997 dan pemecatan Anwar Ibrahim yang lebih dikenali sebagai Reformasi..

Penyertaan politik di Malaysia telah memberikan gambaran bahawa berlaku pergelutan budaya yang tidak lagi hanya mengambil pendekatan formal namun menggunakan juga pendekatan tidak formal. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antara agen yang mengetengahkan amalan ini dan secara tidak langsung menjadi penyemak dan mengimbangi amalan formal seperti perjalanan pilihan raya dan sebagainya. Tambahan, amalan politik tidak formal ini telah diberikan ruang yang lebih oleh pemerintah akibat peralihan pemerintahan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi. Peralihan pemerintahan ini memberikan ruang kepada politik tidak formal ini untuk mengambil tempat dalam politik Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui agenda yang dibawa oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi pada awal peralihan pemerintahannya iaitu mahu memulihkan demokrasi (Marzuki Mohamad, 2004).

Pengalaman Malaysia selepas kemerdekaan menunjukkan berlaku dua gerakan politik tidak formal yang besar iaitu gerakan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) dan yang lebih awal, Reformasi 1998. Kedua – dua gerakan tersebut juga menurut Hariszuan (2014) mempunyai elemen budaya popular yang kebiasaannya wujud dalam sesebuah gerakan sosial, tambahan lagi, turut membentuk identiti politik anak muda.

Gerakan politik ataupun gerakan sosial kebiasaannya terhasil akibat reaksi perubahan yang dialami dalam persekitaran sosioekonomi dan politik yang terhimpit dengan struktur kekuasaan hegemoni yang berakar jauh dalam masyarakat. Sehubungan itu, wujud interaksi perlawanan sosial yang berbeza mengikut kepada kedinamikan persekitarannya. Satu – satu gerakan sosial yang berlaku adalah untuk membangunkan wacana – wacana bagi pencerahan (*enlightened*) kepada masyarakat kerana sifatnya sedemikian dan dalam masa yang sama muncul gerakan – gerakan yang berbeza. Fenomena ini dapat dilihat dengan wujudnya beberapa kelompok yang mempunyai elemen budaya dan mempunyai minat yang tinggi dalam membangunkan wacana yang bersifat intelektual. Hal ini dapat dilihat dalam pergerakan oleh BERSIH 2.0.

Walaupun pergerakan oleh BERSIH 2.0 dihimpit dengan struktur kekuasaan yang hegemoni daripada pemerintah namun pergerakannya dilihat mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan melihat kepada ‘himpunan raksasa’ yang telah diadakan oleh pergerakan itu. Tambahan lagi, gerakan tersebut dilihat bertahan dari setahun ke setahun bermula pada awal pelancarannya sejak tahun 2006.

Walaupun ada ruang masa yang tertentu dilihat kelibat gerakan oleh BERSIH 2.0 ini suram, namun pergerakan ini mampu mengumpulkan orang ramai untuk menyatakan kesatuan ketidakpuasan hati terhadap perkara yang berbangkit. Tambahan lagi, pergerakan oleh BERSIH 2.0 ini telah dikecam hebat oleh pemerintah melalui kenyataan – kenyataan media yang mengisytiharkan BERSIH 2.0 merupakan pertubuhan haram serta melarang masyarakat untuk menyertai perhimpunan tersebut atau akan dikenakan hukuman, namun kecaman tersebut tidak dihiraukan oleh masyarakat malahan jumlah

yang menyertai perhimpunan tersebut mencatatkan jumlah yang besar bagi himpunan BERSIH 2.0 dan seterusnya himpunan BERSIH 3.0. Contohnya, bilangan jumlah peserta yang hadir ketika perhimpunan BERSIH 3.0 yang telah dianggarkan puluhan ribu, namun boleh disimpulkan bahawa tiada satu bilangan jumlah yang tepat¹.

Justeru itu, perbincangan mengenai bentuk gerakan sosial dijelaskan untuk memahami fenomena yang berlaku ini. Adakah gerakan sosial oleh BERSIH 2.0 merupakan satu bentuk gerakan sosial baharu ataupun hanya sebuah gerakan sosial lama? Dengan melihat kepada elemen aktor, strategi, struktur dan ideologi, gerakan oleh BERSIH 2.0 ini dinilai adakah ada gerakan itu benar – benar membentuk gerakan sosial baharu?

Sehubungan dengan itu, gerakan oleh BERSIH 2.0 telah mengulangi gerakan sivil Reformasi 1998 yang bersifat rentas etnik dan kelas sosial (Francis Loh & Saravanamuthu, 2003), dan dilihat konsisten serta boleh dikatakan gerakan sivil kedua terbesar. Walaupun amalan politik yang digunakan bersifat tidak formal dan bertentangan dengan amalan formal namun mampu menarik perhatian orang ramai menyertainya dari semasa ke semasa.

¹Berdasarkan kepada kenyataan pro kerajaan peserta yang hadir dianggarkan sebanyak 22,270 orang manakala daripada kenyataan pro pembangkang peserta yang hadir dianggarkan sebanyak 300,000 orang – Portal akhbar (The Malaysian Insider) bertarikh 12 Januari 2013, disunting oleh Zurairi AR yang bertajuk Polis kecilkan kiraan peserta dari 80,000 ke 45,000 (The Malaysian Insider)

Maka, kajian ini berminat untuk menganalisis gerakan oleh BERSIH 2.0 sebagai sebuah gerakan sosial baharu di Malaysia dan menjawab beberapa persoalan kajian berikut;

1. Apakah sejarah gerakan sosial di Malaysia.
2. Apakah pola perubahan gerakan sosial di Malaysia?
3. Apakah persekitaran politik dan sosial Malaysia yang melatari kepada pembentukan BERSIH 2.0?
4. Apakah bentuk advokasi yang dipilih oleh BERSIH 2.0?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini meneliti dan menganalisis perkembangan gerakan sosial di Malaysia dan menawarkan gerakan daripada BERSIH 2.0 untuk melihat pola perubahan gerakan sosial dan bentuk advokasi yang dipilih. Justeru itu, kajian ini menggariskan beberapa objektif, antaranya:

1. Mengkaji galur sejarah gerakan sosial di Malaysia
2. Mengkaji pola perubahan gerakan sosial di Malaysia.
3. Mengenal pasti keadaan sosiopolitik Malaysia yang mempengaruhi kewujudan gerakan sosial daripada BERSIH 2.0.
4. Menganalisis bentuk advokasi yang dipilih oleh BERSIH 2.0.

1.4 Definisi Operasional

1.4.1 Politik Tidak Formal

Para sarjana telah memberikan pelbagai takrifan berkaitan dengan politik tidak formal dan tiada satu takrifan yang khusus boleh dinyatakan untuk memahami istilah tersebut. Politik tidak formal popular dibincangkan dalam mana – mana fenomena yang melibatkan perubahan politik dan institusi. Menurut Misztal (2002) politik tidak formal didefinisikan “*as a form of interaction among partners enjoying relative freedom in interpretation of their roles*” iaitu interaksi dalam kalangan satu pihak yang meraikan kebebasan mengekspresikan peranan. Tambahan lagi, politik tidak formal boleh difahami memuaskan keperluan masyarakat yang kritikal yang semakin meningkat kompleksiti nya dan, pengamalannya dilihat bertentangan berbanding amalan kebiasaan yang formal serta memformalkan penjana tuntutan baharu untuk ‘tidak formal’ adalah sebagai menyusun semula *social order*.

Reaksi politik tidak formal (*informality*) dari mana – mana kumpulan adalah sesuatu perkara yang membimbangkan pemerintah. Hal ini demikian bukan kerana kumpulan tersebut sentiasa mencari kesalahan tetapi kewujudan mereka memenuhi jurang kritikal yang disebabkan oleh kelemahan institusi formal dan kumpulan tersebut bukanlah parasit terhadap pemerintah (Tsai, 2007). Manakala menurut Helmke & Levitsky (2006) politik tidak formal adalah “*Socially shared rules, usually unwritten, that are created, communicated, and enforced outside officially sanctioned channels*”. Daripada takrifan tersebut yang menyatakan bahawa politik tidak formal merupakan satu tindakan yang dibuat di luar lingkungan saluran yang formal dan ia merupakan sebagai satu kategori

dalam pengamalan politik yang tidak ada kepastian kepada jangkaan formal. Tambahan lagi, politik tidak formal ini juga ditakrifkan sebagai satu gerak kerja politik yang “*real*” yang tidak dicatat di mana – mana dan tiada pengekodan norma – norma, tabiat dan praktis yang menjadi garis panduan terhadap tingkah laku politik yang dilakukan (Ledeneva, 2006).

1.4.2 Gerakan Sosial Baharu

Menurut Anthony Giddens (1977) gerakan sosial merupakan tindakan bersama (*collective action*) dalam kalangan sesuatu masyarakat untuk mencapai sesuatu tujuan yang satu melalui gerakan-gerakan bersama. Tambahan Herbert Blumer (1939) pula merumuskan bahawa gerakan sosial melibatkan bilangan masyarakat yang besar yang bergerak bersama-sama untuk mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan. Manakala menurut Tarrow (1998) gerakan sosial merupakan penentangan bersama yang membentuk kesatuan menentang golongan – golongan elit, pesaing, musuh termasuklah pemerintah.

Tambahan lagi menurut Porta, Donatella & Diani (1999) telah mencirikan empat karakter utama di dalam gerakan sosial iaitu, jaringan interaksi tidak formal, perasaan dan kesatuan bersama, konflik sebagai tumpuan aksi kolektif dan mendahulukan bentuk – bentuk protes. Secara rumusannya gerakan sosial dalam penyelidikan ini adalah jaringan – jaringan tidak formal yang mendasarkan diri pada perasaan dan kesatuan bersama untuk memobilisasikan isu melalui pelbagai bentuk protes yang berterusan. Teori berkaitan gerakan sosial mula mendapat perhatian para sarjana sejak 1960an dan dari semasa ke semasa berkembang membentuk gerakan sosial baharu.

Penyelidikan ini melihat kepada penjelasan yang diterangkan oleh Pichardo (1977) dan Singh (2001) untuk menentukan pemboleh ubah yang diguna pakai dalam penyelidikan ini. Pemboleh ubah yang telah dikenal pasti ialah ideologi, strategi, struktur, dan pelaku (aktor). Keempat-empat pemboleh ubah ini yang menerangkan mengenai sama ada sesuatu gerakan itu bersifat lama ataupun baharu². Tambahan lagi, gerakan sosial boleh berlaku dalam beberapa tujuan seperti tujuan politik, sosial dan ekonomi. Justeru itu, gerakan sosial yang bertujuan kepada politik secara langsung menjadi sebuah gerakan politik.

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Kesan daripada pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB)³ telah mengerakkan Malaysia ke arah satu wacana yang baharu dengan berlaku perkembangan kepada kumpulan kelas menengah yang berpengetahuan dan bermaklumat. Wacana mengenai kelas menengah di Malaysia telah banyak dibincangkan oleh para sarjana sama ada sebelum kemerdekaan mahupun selepas kemerdekaan antaranya Gullick (1964), L.R Wheeler (1928), Francis G.

²Perbincangan lanjut dalam bahagian kerangka konseptual Bab 2.

³ Ekonomi negara telah berkembang dengan pesat melalui perancangan dan pelaksanaan dasar – dasar pembangunan negara. Kerancangan tersebut semakin memuncak semasa tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970 – 1990) dan selepasnya. Namun di dalam tempoh tersebut ada waktu ketikanya Malaysia telah mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 berikutan berlakunya krisis mata wang namun krisis tersebut telah berjaya di tangani dengan baik di bawah pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad. Perkembangan ekonomi yang pesat berlaku secara konsisten iaitu lebih daripada 5% pertumbuhan dari tahun 1970 – 1990 iaitu pada tahun 1970 sebanyak 7.5%, 1980 sebanyak 5.8% dan 1990 sebanyak 7.1%. Secara tidak langsung pertumbuhan ekonomi yang berkembang pesat tersebut telah melahirkan kelas menengah Melayu baharu. Peningkatan golongan tersebut sejajar dengan matlamat DEB itu di laksanakan iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Hal ini demikian kerana wujud ketidakseimbangan ekonomi antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera iaitu sebanyak 2.6% sahaja dikuasai oleh Bumiputera, 30% kaum cina dan selebihnya pemodal asing. (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2008)

Carwell (1956), Jomo K.S (1986), Syed Husin Ali (1964), Nordin Selat (1976), Abdul Rahman Embong (1995, 1996, 1998, 2002) dan Kahn (1992, 1996a, 1996b). Kajian – kajian tersebut merangkumi sejarah, kesedaran berpolitik, pendekatan dalam bertindak, kelas menengah lama, dan kelas menengah baharu. Kemunculan kelas menengah ini telah merapatkan jurang antara golongan bawahan dan golongan atasan. Mereka ini telah menjadi golongan yang mendesak melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang kritis terhadap isu – isu seperti penyelewengan tadbir urus, alam sekitar, gender, hak dan tanggungjawab awam serta ketelusan (Sulaiman & Bala, 2002)

Kewujudan kelas menengah tersebut yang bergerak sebagai NGO telah bersikap kritis terhadap dasar – dasar pemerintahan berorientasikan pembangunan yang terlibat dalam politik wang, memanipulasikan sentimen perkauman dan pemusatan kuasa yang melampau. Golongan ini inginkan penyertaan politik yang lebih luas dan bukannya sekadar politik formal iaitu yang hanya terlibat dalam proses pilihan raya formal. Mereka ini mahukan lebih daripada itu dan perkara yang sering menandai perjuangan mereka ialah dengan isu-isu demokrasi, hak asasi dan tadbir urus baik yang secara langsung menjadikan persekitaran politik Malaysia semakin progresif dan dinamik. Mereka bekerjasama tanpa mengira kaum, jantina mahupun agama dan telah menolak sebahagian konsep perkauman dan pembangunan. Seterusnya menjadikan konsep tersebut tidak lagi dominan dalam politik Malaysia. Wacana dan amalan politik ini boleh dikatakan wujud di tengah – tengah pembangunan yang mendadak yang inginkan penglibatan secara menyeluruh dalam ruang politik negara yang dipanggil iaitu ‘demokrasi berpartisipasi’ (Francis Loh, 2002). Keputusan Pilihan Raya Umum 1999, 2008 dan 2013 boleh dijadikan kayu ukur walaupun

pemerintah sedia ada masih berkuasa untuk menunjukkan kebangkitan masyarakat sivil ataupun kelas menengah yang kritis terhadap pentadbiran pemerintah.

Demokrasi berpartisipasi yang semakin berkembang ini menjadikan ruang politik Malaysia semakin progresif dan pendekatan yang sering digunakan oleh mereka ini adalah berbentuk tidak formal yang membentuk budaya popular masa kini. Gerakan oleh BERSIH 2.0 merupakan satu manifestasi pendekatan politik tidak formal yang digunakan untuk mempengaruhi institusi pemerintah. Pertubuhan yang berjaya mengumpulkan puluhan ribu masyarakat tersebut menjadikan pergerakan oleh BERSIH 2.0 ini sesuatu yang perlu diberikan perhatian sewajarnya dan kebangkitan sivil tersebut menjadikan gerakan itu sesuatu yang menarik untuk dikaji melalui landskap politik Malaysia.

Rentetan daripada penjelasan yang diberikan, kajian ini membincangkan mengenai politik tidak formal yang merupakan bentuk tindakan masyarakat dalam berpolitik yang membentuk gerakan sosial dan seterusnya mengetengahkan gerakan oleh BERSIH 2.0 sebagai kajian kes. Hal ini demikian kerana gerakan oleh BERSIH 2.0 merupakan gerakan sosial yang kedua terbesar selepas Reformasi 1998 yang berjaya membentuk ingatan bersama (*collective memory*) dalam generasi muda hari ini. Namun begitu, disebabkan mempunyai kekangan masa dan ruang, penekanan hanya diberikan kepada himpunan BERSIH 2.0 (2011) dan himpunan BERSIH 3.0 (2012) tetapi tidak akan dibiarkan begitu sahaja siri sebelumnya dan selepas itu kerana kesinambungan gerakan tersebut saling bersangkutan antara satu siri ke siri yang lain. Selain itu, kedua – dua siri tersebut diberikan penekanan kerana pergerakan itu telah dikendalikan oleh masyarakat sivil.

Maka disebabkan itu, pergerakan oleh BERSIH 2.0 wajar diberikan perhatian kerana dilihat mewujudkan wacana baharu yang merentasi kelas sosial dan etnik dalam perkembangan gerakan sosial di Malaysia. Kepelbagaian masyarakat yang membentuk tindakan bersama tersebut tidak dapat dijelaskan melalui kaca mata klasik namun memerlukan satu wacana alternatif iaitu politik baharu untuk menjelaskan fenomena tersebut. Penelitian tersebut boleh dilihat melalui gerakan yang telah dilancarkan pada tahun 2011 dan tahun 2012.

1.6 Justifikasi Kajian

Perkembangan kelas menengah yang semakin pesat akibat daripada pertumbuhan ekonomi telah mewujudkan masyarakat yang semakin kritis. Masyarakat yang kritis ini kebiasaan menentang terhadap perkara yang dilihat olehnya sesuatu tidak wajar. Maka, antara bentuk penentangan yang dilakukan adalah melalui pergerakan tidak formal. Justeru itu, kajian ini mahu melihat pola perubahan gerakan tidak formal yang menjadi justifikasi bentuk bantahan di Malaysia. Pergerakan oleh BERSIH 2.0 dijadikan sebagai kajian kes untuk memahami sesuatu gerakan yang membentuk tindakan bersama walaupun mempunyai kepelbagaian masyarakat seperti perbezaan kaum, kelas ekonomi, taraf pendidikan, umur dan lain – lain lagi.

Pergerakan oleh BERSIH 2.0 juga telah mencatatkan ingatan bersama kepada kebanyakan keseluruhan masyarakat Malaysia disebabkan gerakan ini merupakan gerakan sosial kedua terbesar selepas Reformasi 1998. Dalam tempoh kira – kira 15 tahun selepas Reformasi 1998, pergerakan oleh BERSIH 2.0 telah mencatatkan sejarah di dalam

politik Malaysia apabila mengadakan siri demonstrasi jalanan dari setahun ke setahun secara konsisten. Siri ketiga BERSIH benar – benar telah membentuk gerakan sosial rakyat berbanding siri – siri yang sebelumnya yang masih di pacu oleh elit – elit politik (Wong Chin Huat dalam Radue, 2012).

Tambahan lagi, jaringan kerjasama antara badan – badan bukan kerajaan yang pelbagai turut menjadikan pergerakan oleh BERSIH 2.0 ini sesuatu yang menarik untuk dikaji. Kepelbagaian yang membawa kepada perbezaan malahan pertentangan ideologi antara satu sama lain, namun mencapai persetujuan yang sama di dalam perjuangan oleh BERSIH 2.0. Hal ini boleh digambarkan bahawa perkumpulan – perkumpulan ini ingin menuntut satu ruang demokrasi yang lebih besar, justeru perbezaan dan pertentangan itu dikaburi untuk bersatu dan berlawan bersama untuk mendapatkan ruang tersebut (Flacks, 1996). Tambahan lagi, walaupun pergerakan ini dikecam hebat oleh pemerintah namun sokongan masyarakat tetap ada malahan penyertaan mereka di dalamnya adalah berskala besar.

1.7 Organisasi Tesis

Bab Pertama: Pengenalan

Dalam Bab pertama adalah asas keseluruhan kajian ini yang merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian. Penyelidik memberikan gambaran terhadap fenomena yang berlaku. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini mempunyai skop dan batasan supaya dilihat lebih berfokus dan mempunyai kepentingan serta justifikasinya yang tersendiri.

Bab Kedua: Sorotan Karya dan Kerangka Konseptual

Dalam Bab ini penyelidik nyatakan dan huraikan sedikit sebanyak kajian–kajian yang lepas yang mempunyai kecenderungan yang sama dengan kajian ini. Penyelidik memberikan sorotan daripada pelbagai peringkat sama ada peringkat Malaysia mahupun antarabangsa. Penyelidik meninjau kajian – kajian berkenaan gerakan-gerakan sosial. Seterusnya penyelidik usulkan satu kerangka teori sebagai alat analisis yang akan digunakan bagi menerangkan kajian ini.

Bab Ketiga: Kaedah Penyelidikan

Dalam sesebuah penyelidikan, perkara yang penting perlu ditekankan ialah kaedah penyelidikan itu dibuat bagi memastikan penyelidikan itu boleh diterima dengan baik. Dalam Bab ini penyelidik menerangkan dengan terperinci elemen – elemen yang digunakan dalam kajian ini merangkumi pendekatan yang digunakan, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, analisis data dan sebagainya. Semua itu dijelaskan dalam Bab ini.

Bab Keempat: Gerakan Sosial di Malaysia: Meneliti Suatu Perubahan

Bab ini menyusuri sejarah gerakan – gerakan yang pernah wujud sebelum kemerdekaan iaitu sebelum tahun 1957 dan selepas kemerdekaan. Ruang masa yang berbeza telah memberikan corak yang berlainan terhadap sesuatu gerakan yang wujud dan hal ini boleh dilihat dan dibincangkan dalam Bab ini.

Bab Kelima: Pilihan Raya di Malaysia: Implikasi Terhadap Kewujudan Gerakan BERSIH

2.0

Dalam Bab ini menjelaskan mengenai pilihan raya di Malaysia yang mempunyai hubungan langsung dengan gerakan oleh BERSIH 2.0. Hubungan antara kedua – dua ini dijelaskan kerana telah mempengaruhi antara satu sama lain.

Bab Keenam: Kemunculan dan Pendekatan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil 2.0 (BERSIH 2.0)

Dalam Bab ini menerangkan segala perihal berkaitan dengan BERSIH 2.0 dari mula diasaskan, pendekatan yang digunakan serta cabaran yang dihadapinya.

Bab Ketujuh: Kesimpulan: BERSIH dari Perspektif Gerakan Sosial Baharu

Kemudian, perspektif gerakan sosial baharu diguna pakai terhadap gerakan oleh BERSIH 2.0 untuk melihat sama ada pergerakan tersebut memenuhi kriteria – kriteria sebuah gerakan yang baharu. Akhir sekali kajian ini disimpulkan berdasarkan huraian – huraian analisa yang telah dibuat di dalam Bab- Bab sebelumnya serta menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan pada masa hadapan.

Bab 2

Sorotan Karya

2.1 Pengenalan

Penyelidikan ini adalah untuk mengkaji perkembangan gerakan sosial di Malaysia. Sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab pertama politik tidak formal ini merupakan bentuk advokasi yang dipilih dalam gerakan sosial yang diadakan. Justeru itu, penganalisan terhadap tema – tema yang berkaitan perlu dilakukan dengan melihat kajian – kajian lepas yang sedia ada. Kajian – kajian lepas tersebut merangkumi kajian di dalam negara mahupun luar negara dan akan dipecahkan mengikut tema supaya kelihatan tersusun. Akhir sekali penjelasan kerangka konseptual akan dikenal pasti yang akan menjadi alat analisis di dalam penyelidikan ini.

Perkembangan gerakan politik di Malaysia mempunyai fasa – fasa pengamalan yang berbeza mengikut peredaran masa iaitu sebelum mencapai kemerdekaan dan setelah mencapai kemerdekaan. Fasa – fasa yang membezakan gerakan tersebut boleh dilihat daripada segi tujuan sesuatu gerakan itu dijalankan. Sememangnya semasa belum mencapai kemerdekaan, gerakan yang dilakukan adalah untuk mendapatkan kemerdekaan yang terfokus kepada kegiatan nasionalisme orang Melayu ataupun kegiatan politik orang bukan Melayu. Sehubungan dengan itu lahirlah antara tokoh – tokoh perjuangan seperti Dato' Bahaman, Dato ' Mahaharaja Lela, Tok Janggut dan ramai lagi yang menjadi ikon dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu yang menunjukkan kepada orang ramai bahawa untuk mencapai kemerdekaan bukanlah sesuatu yang mudah namun terpaksa mengorbankan nyawa (Buyong Adil, 1985).

Perkembangan politik terus berkembang pada awal abad ke-20 dan telah muncul parti – parti politik yang lebih tersusun untuk memperjuangkan kemerdekaan yang merangkumi parti yang berhaluan kanan dan kiri. Contohnya, Parti Komunis Malaya (PKM), Kesatuan Melayu Muda (KMM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA), Central Indian Association Malayan (CIAM), Malayan Indian Congress (MIC) dan banyak lagi. Parti – parti ini masing – masing mempunyai sumbangan yang tersendiri dalam memperjuangkan kemerdekaan yang membentuk gerakan dan kegiatan politik tersendiri.

Tambahan lagi, perkara yang boleh digambarkan daripada perjuangan nasionalisme dan kesedaran politik tersebut masih berasingan mengikut kaum dan perjuangannya berasaskan perjuangan bangsa (Cheah Boon Kheng, 1984) serta dilakukan dengan pelbagai saluran dan organisasi (Andaya, 1983) sama ada melalui pendekatan formal ataupun tidak formal.

Namun begitu, wacana gerakan politik di Malaysia mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Pada waktu tersebut fokus lebih terarah kepada pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Oleh hal demikian, pemerintah memainkan peranan yang penting untuk menguatkan pengaruh supaya pembangunan dapat dijalankan dengan baik tanpa banyak gangguan. Seterusnya masyarakat menyokong akan usaha tersebut disebabkan faedah yang akan diperolehi daripada usaha pemerintah.

Namun begitu, hal tersebut tidaklah bersifat statik dan dari semasa ke semasa pendemokrasian menjadi semakin popular dan menjadikan perkara tersebut sebagai topik perbincangan dalam konteks negara. Sekiranya dibuat perbandingan pengalaman di setiap negara terutama di negara – negara Asia menunjukkan pengamalan demokrasi tidak semuanya diamalkan secara sama dan penerimaan terhadap demokrasi itu sendiri berbeza mengikut tempoh – tempoh yang tertentu. Contohnya di Malaysia apabila kebanyakan negara – negara di Asia sama ada Asia Timur mahupun Asia Tenggara sudah menunjukkan perkembangan terhadap demokrasi tetapi di Malaysia pemerintahan bersifat autoritarian masih lagi berjalan iaitu antara tahun 1980an dan 1990an (Abdul Rahman Embong, 2001).

Perkembangan demokrasi tersebut mula berkembang di Filipina, Taiwan, Korea Selatan dan Thailand apabila kelas menengah memainkan peranan penting mengerakkan pendemokrasian di negara – negara tersebut. Pada ketika itu wujud gerakan – gerakan sivil yang membuat pelbagai tuntutan, inginkan kedaulatan undang – undang (*rule of law*) dan sebagainya. Contohnya di Thailand pada tahun 1992, kelas menengah telah mengepalai perjuangan bersama-sama dengan kebangkitan kelas bawahan yang memperjuangkan hak untuk mereka bersama-sama menyertai pembuatan polisi dan legislative untuk keperluan mereka (Prudisan Jumbala & Chantana Banpasirichote, 1999).

Agen yang memainkan peranan di dalam pendemokrasian merupakan golongan kelas menengah yang kritikal. Sehubungan dengan itu, kelas menengah yang kritis wujud bukanlah secara tiba – tiba malahan mempunyai evolusi struktur yang dipengaruhi dari semasa ke semasa. Kewujudan kelas menengah secara perlahan – perlahan mempunyai

nilai komuniti yang seterusnya membentuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan di dalam negara. Pertubuhan bukan kerajaan ini memainkan peranan yang penting dalam proses pendemokrasian, menimbulkan kesedaran masyarakat, membawa isu – isu awam ke hadapan dan memupuk keberkesanan kumpulan bersama masyarakat sivil agar berupaya membawa pendapat awam pada masa yang genting dalam menyokong membuat penambahbaikan terhadap politik, sosial dan ekonomi (Weiss, 2003).

Pertubuhan bukan kerajaan ini mempunyai kaitan langsung dengan masyarakat sivil kerana entiti tersebut yang memainkan peranan mengerakkan pertubuhan tersebut. Masyarakat sivil ini membentuk kerjasama dan kesatuan serta akan mengelakkan kepentingan individu dalam memperjuangkan sesuatu dan mengutamakan kepentingan awam supaya membolehkan pembinaan komuniti (Yamamoto, 1995). Justeru itu, itu, masyarakat sivil terlibat langsung di dalam komuniti tersebut yang menjadi agen pemangkin perubahan serta NGO tersebut akan membantu masyarakat sivil ini mencapai kepentingan mereka yang dibuat terhadap pemerintah.

Tambahan, pencapaian terhadap permintaan NGO adalah bergantung pada penyertaan masyarakat yang besar dan keupayaan pemerintah menunaikannya serta tekanan yang kuat dikenakan kepada pemerintah. Menurut Yamamoto (1995:5) pertubuhan merupakan kumpulan yang menghubungkan masyarakat sivil yang membentuk tindakan bersama untuk menolong diri (*self – help*) atau advokasi isu di luar naungan pemerintah, mereka ini dibentuk secara sukarela dengan memegang sesuatu objektif dan dihubungkan bersama dalam aktiviti ekonomi atau perhubungan awam.

Tambahan, menurut Korten (1990) pula menyatakan bahawa NGO bertindak sebagai pihak ketiga yang menjadi orang tengah antara legitimasi pemerintah dan masyarakat sivil apabila pemerintah menafikan kepentingan yang dituntut oleh kesatuan masyarakat. Selain itu, kumpulan ini sering kali juga dikatakan sebagai kumpulan pendesak (*action groups*) (Haynes, 1997) dan digolongkan di dalam gerakan sosial baharu (Habermas, 1981).

2.2 Gerakan Sosial di Malaysia

Gerakan sosial berlaku di mana –mana negara sahaja, contohnya *Arab Spring* di kawasan timur tengah, *Spanish Indigenous*, *Occupy Wall Street – New York City*, *Orange Revolution – Ukraine*, dan *The Umbrella Revolution, Hong Kong*. Tambahan lagi, bagi kawasan di Asia Tenggara gerakan-gerakan sosial yang berlaku, contohnya *Black May 1992 - Bangkok, Thailand*, *Reformasi Indonesia 1998*, *People Power Revolution – Filipina (1983 – 1986)* dan banyak lagi gerakan di lain - lain negara termasuklah Malaysia. Setiap gerakan sosial yang berlaku semestinya mempunyai latar belakangnya yang tersendiri mengikut kepada keadaan sosiobudaya, ekonomi mahupun politik sesebuah negara tersebut.

Contohnya, Reformasi Indonesia yang ingin menjatuhkan rejim Suharto yang autoritarian semasa era orde baharu (Heryanto & Hadiz, 2005) namun begitu berbeza pengalaman di Malaysia yang mempunyai pengalaman yang tersendiri. Gerakan diandaikan sesuatu perkara yang dilihat lebih demokratik dan mempromosikan pendemokrasian dengan membuat tuntutan ke atas sistem sedia ada (Hellman,

1994). Tambahan lagi, Hellman telah menyatakan bahawa gerakan yang popular dapat membantu pembentukan identiti yang baharu, pengembangan masyarakat sivil, inisiatif baharu berpolitik dan memobilisasi sektor baharu dalam masyarakat.

Gerakan sosial di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang dan dari semasa ke semasa wacana di dalamnya sentiasa berubah ke arah hala tuju yang berlainan. Gerakan yang dilakukan adalah melalui NGO yang pada hari ini berubah orientasinya. Pada permulaan organisasi ini lebih kepada komuniti agama atau etnik yang bekerjasama dengan orang – orang masjid, gereja, kuil dan sebagainya. Mereka lebih tertumpu pada meningkatkan taraf sosioekonomi dan melakukan kerja – kerja kebajikan. Namun, wacana tersebut kian berubah dan NGO kini mula menumpukan kepada hal ehwal politik, pengagihan nilai dan hak. Hal ini disebabkan oleh sikap kumpulan tersebut tidak statik tambahan berlaku krisis ekonomi dan reformasi yang menyebabkan kumpulan tersebut menjadi kritikal terhadap kerajaan (Abdul Rahman Embong, 2001b). Justeru itu, kumpulan tersebut mula mengambil cakna mengenai kehidupan politik negara dan pembangunan sosial.

Kajian mengenai gerakan sosial ada dilakukan oleh beberapa sarjana di Malaysia antaranya, Tan Boon Kean & Bishan Singh (1994) yang mengutarakan rangka kerja analitikal antara pemerintah dan NGO. Kajian kes yang diambil adalah mereformasi undang – undang memperkosa dan kempen *anti – logging*. Seterusnya, terdapat juga penerokaan terhadap faktor pembangunan kumpulan berkepentingan di Malaysia dengan melihat ciri – ciri dan hubungan dengan pemerintah, (Hoong, 1988 & 1989). Selain itu, Saliha Hassan (1998) turut melihat hubungan dua hala antara pemerintah dan NGO